

# Industri halal dijangka terus berkembang

KUALA LUMPUR 4 April - Industri halal dunia dijangka terus mendapat permintaan lebih tinggi dengan pengenalan pembaharuan dan inovasi produk serta perkhidmatan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Halal (HDC), Datuk Seri Jamil Bidin berkata, pasaran halal berkembang dengan pantas dan mampu menampung permintaan umat Islam di seluruh dunia.

“Perkembangan industri halal akan lebih berkesan jika perhatian diberikan kepada penyelidikan dan pembangunan khususnya dalam inovasi terkini.

“Sebagai contoh, jumlah eksport produk halal negara tahun lalu sahaja mencecah RM35.4 bilion dan ini menunjukkan pasaran halal berkembang dengan cepat,” katanya.

Beliau ditemui selepas majlis perasmian Minggu Halal Malaysia 2012 yang disempurnakan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, di sini hari ini.

Menurut Jamil, eksport halal negara menyumbang sebanyak 5.1 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport negara.

Katanya, produk dan perkhidmatan halal Malaysia kebanyakannya telah dieksport ke Singapura, Thailand, Pakistan, India, New Zealand, Jepun, Amerika Syarikat (AS) dan Eropah.

Menurut Jamil, sempena Minggu Halal Malaysia, HDC turut menganjurkan Sidang Kemuncak Penyelidikan Halal Dunia 2012 yang mensasarkan untuk mencapai matlamat supaya pembangunan dan promosi penjenamaan halal bergerak ke tahap yang lebih tinggi.

Jelasnya, kali ini, seramai 700 delegasi menyertai persidangan itu termasuk saintis, penyelidik, ahli akademik, pakar-pakar, pengeluar serta peruncit yang akan berkongsi idea dan pandangan bagi memajukan lagi industri halal pada masa hadapan.

“Pada persidangan kali ini, sebanyak 12 kertas kerja akan dibentangkan oleh wakil luar negara iaitu dari AS, Eropah, Afrika dan Asia.

“Pembentangan tersebut turut merangkumi penyelidikan dan pembangunan dalam sektor kewangan halal, penjenamaan serta pemasaran,” katanya.